

“Iraq Negara Revolusi Yang Maju”

Dalam memperkatakan soal-soal yang mengenai Iraq baharu, maka bererti kita akan menerangkan sejarah ringkas negeri Iraq sesudah pemerintahan bertukar corak menjadi sebuah republik; kerana dari sejak Iraq menjadi sebuah negara republik inilah baharu ternyata kelihatan perubahan-perubahan yang menuju ke arah perpaduan rakyat dan kemajuan negara. Meskipun kita akui bahawa kandungan rencana ini tidak begitu lengkap – kerana kekurangan bahan-bahan penulisan namun begitu dapat juga kita jadikan suatu panduan ringkas untuk kita meninjau keadaan masyarakat dan kemajuan-kemajuan pesat yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan republik Iraq yang di bawah pimpinan penganjur-penganjurnya yang berjiwa progresif.

President Republik Iraq yang pertama ialah Jeneral Abd al-Karim Qasim, tetapi setelah beberapa tahun berkuasa, beliau telah digulingkan oleh tentera kerana pemerintahan yang beliau jalankan banyak menyeleweng dari dasar revolusi Iraq. Pada akhirnya beliau dihukum bunuh dan tempatnya digantikan oleh Al-Sayyid Abdul Salam Arif tetapi pada bulan April 1966 yang lalu di dalam suatu kemalangan kapal terbang yang beliau meninggal dunia dan tempatnya sebagai President Iraq yang baharu digantikan oleh adiknya al-Sayyid Abdul Salam Arif -

Ibu kota negeri Iraq ialah Baghdad. Menurut sejarah Baghdad mempunyai bermacam-macam nama. Berbagai-bagai nama yang telah ditulis oleh ahli-ahli sejarah dari suatu masa ke suatu masa mengenai kota Baghdad. Ada yang mengatakan asal kalimah “Baghdad” itu diambil dari Bahasa Parsi yang bererti “pemberian Allah” dan setengah ahli sejarah yang lain pula mengatakan bahawa nama kota “Baghdad” yang asal ialah “al-Manṣūriyah”, dipadankan dari nama orang yang mula-mula mendirikan kota itu iaitu khalifah al-Manṣūr. Selain dari itu ada pula ahli-ahli sejarah yang menamakan kota Baghdad itu dengan nama “Dār al-Salām” dan “al-zaurā” yang ertinya “taman syurga” kerana orang-orang Arab di zaman dahulu kala selalu menamakan kota Baghdad dan kawasan-kawasan disekelilingnya dengan nama “syurga dunia” kerana melihat kepada kesuburan tanahnya dan kebersihan udaranya.

Di dalam kawasan kota Baghdad sahaja didapati 30,000 masjid yang dibina mengikut bentuk kesenian Islam di zaman purba, sungguh indah dan menarik, ini selain daripada beratus-ratus buah kutub khānah yang berisi penuh dengan bermacam-macam pembendaharaan buku-buku lama yang ditulis oleh pujangga-pujangga dan ahli-ahli fikir yang temama. Kutub khānah yang paling besar dan paling terkenal sekali di kota Baghdad ialah “Dār al-Hikmah” yang diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rashid. Dār al-Hikmah mengandungi buku-buku lama yang tidak terkira banyaknya.

Tetapi malangnya setelah kerajaan Mogul menguasai Baghdad pada tahun 656 M, sebahagian besar dari buku-buku Islam yang berharga yang berada di dalam Dār al-Hikmah itu telah dimusnahkan oleh tentera-tenteranya yang terkenal kejam dan ganas itu. Sejak dari zaman itu nilai Dār al-Hikmah tidak begitu dipandang tinggi lagi oleh para pujangga dan cerdik pandai dari



Al-Marhum President Abdul Salam
Arif

dunia internasional.

Dari semenjak zaman dahulu lagi Baghdad terkenal sebuah kota yang paling maju di seantero dunia Arab. Oleh kerana itulah di zaman pemerintahan

Khalifah Harun al-Rashid kota Baghdad dijadikannya ibu negara. Hingga sekarang pun kita dapat menyaksikan betapa pesatnya pembangunan-pembangunannya dalam dan luar bandar Republik Iraq.

Kota Baghdad hanya mengandungi penduduk satu setengah million jiwa sahaja pasarnya tersangat luas dan bangunan-bangunan yang di sekeliling kawasan kotanya masih banyak didapati berbentuk lama. Mata wang yang digunakan di dalam seluruh negeri Iraq ialah dinar. Selain dari Baghdad ada dua buah kota lain yang terbesar di dalam negeri Iraq iaitu Başrah dan al-Mawṣil. Kota Başrah terletak di pinggir laut dan dijadikan pelabuhan yang penting di Iraq.

Kerajaan revolusi yang di bawah pimpinan al-Marhūm al-Sayyid Abdul Salam Arif (sekarang diganti oleh saudaranya al-Sayyid Abdul Rahman Arif), memegang tumpuk pemerintahan Republik Iraq sekarang lebih cenderung menggunakan undang-undang Islam dalam menjalankan urusan pemerintahan negeri. Sedang pada masa teraju kerajaan revolusi Iraq dipegang oleh Jeneral Abdul Karim Qasim undang-undang Islam banyak yang diketepikan.

Pembangunan Ekonomi:

Ekonomi Iraq sekarang lebih banyak bergantung kepada modal bumi negaranya¹ sendiri. Beberapa projek yang besar bagi menguatkan ekonomi negeri sedang di dalam rancangan di antaranya mendirikan kilang besi, kilang membuat simen, kilang membuat kertas, kilang membuat baja dan juga kilang-kilang untuk mengeluarkan bahan-bahan kimawi² (yang digunakan dalam ilmu sains).

Di Kirkuk (sebuah kota kecil yang



President Abdul Rahman Arif.

terletak di utara Iraq) telah didirikan beberapa kilang tembikar, kilang kaca dan kilang-kilang tenun yang mengeluarkan kain-kain sutera yang bermutu tinggi. Ini selain daripada memperbesarkan projek-projek yang memang telah berjalan di dalam seluruh negeri Iraq dari sejak zaman berzaman. Seperti projek menambah kekuatan kuasa elektrik, dan memperbaiki tali air-tali air yang akan menyuburkan tanah di kawasan perkebunan di seluruh negeri.

Selain dari itu sebuah lapangan terbang peringkat antarabangsa sedang di dalam pembinaan yang akan dapat menandingi keindahan dan keistimewaan lapangan terbang antarabangsa di kota Kaherah Mesir. Jalan raya-jalan raya yang akan memperhubungkan antara satu kampung ke satu kampung, antara satu kota ke satu kota telah dapat dilaksanakan dengan pesatnya. Begitu pula beberapa buah kilang untuk mengeluarkan alat-alat telefon dan wayar-wayar elektrik sedang di dalam pelaksanaan.

Petrol di Iraq:

Di antara negeri-negeri Arab yang buminya kaya dengan hasil-hasil minyak petrol - kemudian daripada ‘Arabiyyah Sa‘udiyah dan al-Kūwait – ialah Iraq. Sekarang negeri Iraq dapat mengeluarkan hasil minyak petrol sebanyak 47 million tan dalam setahun. Menurut pakar-pakar ilmu penyelidikan hal ehwal bumi, di dalam perut bumi di negeri Iraq sekarang ada mengandungi 22% daripada jumlah simpanan minyak petrol di seluruh negara-negara arab, atau mengandungi lebih kurang 9.4% daripada jumlah simpanan petrol seluru dunia. Jumlah ini mulai bertambah dari sejak tahun 1946, sebelum itu Iraq hanya mengeluarkan hasil minyak petrol sebanyak 3 million tan sahaja dalam setahun. Kemudian pada tahun 1947 jumlah tersebut tiba-tiba bertambah menjadi 8 million tan, setelah itu jumlah tersebut terus meningkat naik dari setahun ke setahun hingga sekarang mencapai ke angka 47 million tan dalam setahun – sebagaimana yang telah diterangkan di atas – pakar-pakar ilmu penyelidikan hal ehwal bumi banyak yang mengagak bahawa dalam masa beberapa tahun ke hadapan harus hasil minyak petrol Iraq akan dapat menandingi hasil petrol yang dikeluarkan oleh negara ‘Arabiyyah Sa‘udiyah dan al-Kūwait. Dengan hasil minyak petrol inilah kerajaan Republik Iraq baharu dapat melaksanakan segala projek-projek pembangunannya dengan lancar, sehingga tingkatan hidup seluruh rakyat Iraq menjadi tinggi dan sangat memuaskan.

Hasil-hasil yang Lain:

Selain daripada minyak petrol

¹ perkataan tidak boleh dibaca

² kimia

Iraq juga mengeluarkan beberapa hasil yang lain seperti kapas, beras dan kurma. Negeri Iraq berjaya mengeluarkan hasil kapas sebanyak 90 ribu tan dalam setahun dan beras sebanyak 163,000 tan dalam setahun ada pun hasil kurma yang dikeluarkan oleh Iraq lebih daripada 80% bagi pengeluaran kurma seluruh dunia, atau lebih kurang 350 ribu tan dalam setahun. Pokok-pokok kurma yang ditanam di seluruh negeri³ dianggarkan sebanyak 31 million batang. Di antara hasil-hasil Iraq yang paling laris sekali dieksport keluar negeri ialah simen-simen, benang, minyak zaitun, sutera, tali jerami, kulit-kulit samak, barang-barang aluminium dan perabot-perabot rumah yang istimewa halus perbuatannya.

Selain daripada mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa, maka kerajaan Iraq ada memiliki sebuah lapangan terbang yang besar di al-Habbāniyyah dan juga mempunyai sebuah pelabuhan kapal di kota Başrah.

Pembangunan Luar Bandar:

Kerajaan revolusi Iraq yang baharu sangat mengambil berat dalam soal pertanian yang telah diabaikan oleh kerajaan al-Malik Ghazi dan al-Malik Faisal. Di dalam negeri Iraq sekarang lebih daripada 22 million column (ekar) tanah-tanah baru yang dibahagi-bahagikan kepada kaum-kaum tani yang dahulunya hidup ditindas oleh kaum feudal dan kapitalist.

Projek-projek pembangunan luar bandar sedang dilaksanakan dengan pesat, beberapa kampung kecil telah diperbaiki taraf kehidupan penduduknya. Di desa-desa yang



Sebuah patung yang menggambarkan seorang wanita Iraq dengan pakaian kebangsaannya.

jauh terpencil diadakan wakil-wakil Kementerian Pertanian untuk memberi bantuan-bantuan yang secukupnya kepada kaum tani. Di sana juga didirikan syarikat-syarikat kerjasama menjual segala barang-barang keperluan hidup rakyat sehari-hari.


Rawatan Perubatan:

Kerajaan Republik Iraq yang baharu tidak sekali-kali mengabaikan soal perubatan yang diperlukan oleh rakyat. Untuk menambah keperluan ubat-ubatan yang dahulunya 100% diimport dari

luar negeri, maka kini kerajaan telah mendirikan beberapa buah kilang-kilang ubat tempatan yang lengkap, makmal-makmal pembacuh⁴ ubat-ubatan yang modern. Di samping itu didirikan pula sebuah sekolah tinggi jururawat dan beberapa buah bangunan hospital yang baharu.

Pendidikan:

Soal pendidikan adalah suatu soal yang sangat-sangat dipentingkan oleh kerajaan Republik Iraq. Di kota Baghdad hingga ke hari ini masih ada didapati sebuah madrasah Islam yang paling tua sekali di dalam sejarah Iraq. Madrasah itu dinamakan “al-Madrasah al-Nizāmīyyah”. Didirikan oleh al-Wazīr Niżām al-Mulk pada tahun 1066 M – sekarang berumur 900 tahun – P. Di sana juga ada didapati sebuah madrasah Islam yang dibina oleh Khalifah al-Muntaṣir Billāh bin al-Zāhir di antara tahun 625 – 631 H (bersamaan dengan tahun



Menara al-Malwīyyah di Samarra

³ ejaan sebetulnya negeri/negara

⁴ Ejaan sebenar ialah pembancuh

1227-1233 M). Madrasah

tersebut dinamakan “al-Madrasah

al-Mustansiriyyah” khas untuk mengajar hukum-hukum agama Islam di dalam empat mazhab.

Adapun madrasah-madrasah dan sekolah-sekolah

atau pun universiti-universiti baharu yang modern sudah tentu tarafnya sama setanding dengan mana-mana sekolah-sekolah modern di dalam negeri-negeri di seluruh dunia.

Jumlah bilangan sekolah-sekolah rendah di seluruh Republik Iraq sebanyak 4097 buah,

mengandungi 864 ribu murid-murid lelaki dan perempuan dan mempunyai 8660 orang guru. Jumlah sekolah-sekolah menengah pula sebanyak 412 buah, mengandungi 159 ribu murid-murid lelaki dan perempuan dan mempunyai 2334 orang guru. Ini selain daripada sekolah-sekolah pertukangan dan kejururawatan, ada pun universitinya hanya sebuah sahaja iaitu Universiti Baghdad, tetapi di dalamnya mengandungi 21 buah kuliah dan maktab-maktab dan mempunyai



Tentera-tentera Iraq yang telah berjaya menggulingkan pemerintahan Parti Ba'ath yang di bawah pimpinan President Abdul Karim Qasim.

mahasiswa-mahasiswa seramai 13067 orang

lelaki dan perempuan. (Ini menurut

bancian tahun 1964 – P.).

Sugia⁵ diingat bahawa ke semua tingkatan pelajaran di Iraq mulai dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti adalah diberi dengan percuma. Satu rancangan untuk mendirikan sebuah lagi universiti

⁵ Ejaan sebenar ialah sayugia

yang baru sedang diura-urakan oleh kerajaan Republik Iraq.

Kaum Kurdi:

Penduduk-penduduk di sebelah utara negeri Iraq adalah terdiri daripada kaum Kurdi – iaitu orang Arab yang berasal dari keturunan Turki – pada masa pemerintahan raja dahulu kaum Kurdi sentiasa hidup di bawah penindasan kaum-kaum bangsawan. Oleh itu mereka selalu benar mengadakan pemberontakan-pemberontakan kecil menuntut supaya wilayah-wilayah Iraq yang mereka diamini diberikan kemerdekaan penuh. Dalam masa pemerintahan Jeneral Abdul Karim Qasim penindasan-penindasan di atas kaum Kurdi ini semakin diperhebat sehingga wilayah-wilayah mereka diserang dengan secara kejam, yang mana menyebabkan mereka mengadakan pemberontakan-pemberontakan yang lebih hebat untuk mempertahankan kehormatan mereka yang dinodai oleh tentera-tentera Iraq yang di bawah pimpinan Jeneral Abdul Karim Qasim itu.

Tetapi setelah tampuk pemerintahan Republik Iraq dipegang oleh al-Sayyid Abdul Salam Arif maka dasar



Wanita-wanita Iraq bergerak maju di dalam segala lapangan masyarakat.

penindasan ke atas kaum Kurdi itu terus diberhentikan, malahan kaum Kurdi diajak sama berunding untuk sama berganding bahu menjadi rakyat Iraq yang bebas dari segala ancaman dan penindasan. Dasar perdamaian yang diseru oleh President Abdul Salam Arif mendapat sambutan baik dari seluruh kaum Kurdi. Dari masa itu pemberontakan-pemberontakan kaum Kurdi tidak pernah kedengaran berlaku lagi di utara negeri Iraq.

Sebahagian besar daripada kaum Kurdi adalah terdiri dari peladang-peladang dan pengembala-pengembala yang bekerja mencari penghidupan di ladang-ladang dan di tepi hutan, ada pula di antara mereka yang mencari penghidupannya dengan membuka gedung-gedung perniagaan di dalam bandar-bandar kecil dan di kampung-kampung. Tabiat mereka lebih suka membuat pekerjaan-pekerjaan sendiri. Oleh itu sebahagian kecil sahaja bilangan mereka yang bekerja makan gaji.

Di kampung-kampung yang jauh terpencil, penduduknya menggunakan binatang-binatang tunggangan seperti unta, keldai dan baghal sebagai kenderaan mereka membawa barang-barang perniagaan dan hasil bumi mereka ke bandar-bandar, kerana mereka berpendapat dengan menggunakan binatang-binatang tunggangan itu selain daripada perbelanjaannya kecil, mereka dengan mudah dapat melalui jalan yang berliku-liku di celah-celah bukit-bukit batu yang banyak dijumpai di tengah-tengah padang pasir yang luas saujana itu.

Di dalam masyarakat orang-orang Kurdi soal nikah kahwin boleh dikatakan



Sebuah daripada kilang kurma di Iraq yang mana pekerja-pekerjanya terdiri dari kaum wanita.

agak menyulitkan. Ini disebabkan tingginya nilai mas kahwin yang ditetapkan oleh adat mereka. Seorang lelaki yang akan kahwin ia mestilah menyediakan wang untuk mas kahwin kepada pihak perempuan paling kurang 30 dinar (-\$250) hingga sampai ke angka 100 dinar, ini selain daripada wang hantaran dan lain-lain hadiah yang mesti dibawa oleh pihak pengantin lelaki pada hari bersatu. Pada tiap-tiap hari besar rasmi pengantin lelaki mestilah pergi menziarahi bakal isterinya dengan membawa hadiah-hadiah berharga yang berupa baju labuh kebangsaan orang-orang Iraq yang disulami dengan benang

emas serta barang-barang perhiasan yang berharga. Setelah selesai bersatu, pihak lelaki mestilah pula membeli atau menyewa sebuah rumah yang lengkap dengan segala alat perabotnya, dan kedua suami isteri terpaksa berpindah dari rumah kedua ibu bapanya dengan bergantung kepada kehidupan sendiri. Menjadi suatu keaiban dalam masyarakat Kurdi, kalau seorang anak lelaki yang sudah berkahwin masih menetap tinggal bersama-sama dengan kedua ibu bapanya.

Bersambung.